

## Inovasi dalam Penyelidikan Dialektologi

*An Innovation in Dialectology Research*

Nor Hashimah Jalaluddin  
[shima@ukm.edu.my](mailto:shima@ukm.edu.my)

Program Linguistik  
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**Published:** 03 June 2020

**To cite this article (APA):** Jalaluddin, N. H. (2021). Inovasi dalam Penyelidikan Dialektologi. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 35-53. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.fa.4.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.fa.4.2021>

### ABSTRAK

Bahasa berevolusi, dan ilmu linguistik tidak terkecuali. Dengan tersebarnya revolusi industri 4.0, peranan teknologi menjadi semakin ketara. Ilmu linguistik seharusnya bergerak secepat dengan kemajuan teknologi ini. Sewajarnya, linguistik boleh bersifat multidisiplin dan melangkah ke depan secara alami. Dialektologi adalah contoh terbaik. Geolinguistik merupakan gabungan kajian dialek dengan geografi. Dengan perisian aplikasi ArcGis, kajian multidisiplin ini mampu mengangkat ilmu dialek lebih terkehadapan dengan maklumat isogloss dan taburan dialek terakam dalam lakaran peta dialek digital yang saintifik menggantikan peta manual. Penyelidikan dialek melibatkan kerja lapangan yang melibatkan golongan tua, dewasa dan remaja dengan menjawab soal selidik, temuramah serta terlibat dengan rakaman. Kemudian, data ditranskripsi dan diimpot ke perisian Arc Gis bagi dapatan peta yang sahih. Hasil kajian membuktikan bahawa banyak maklumat selain varian fonologi dapat dihasilkan, malah maklumat merentas bidang seperti leksikografi, ruang, migrasi dan sejarah ditemui sekali. Topografi yang mempunyai ruang yang luas atau sempit mampu mempengaruhi penghasilan leksikal yang berbeza seperti terakam dalam leksikografi. Sebagai tambahan, topografi dan migrasi juga boleh menyebabkan berlakunya perubahan fonologi. Malah, faktor sempadan membuktikan difusi dialek boleh mempengaruhi kawasan berjiranan. Huraian linguistik beserta huraian bukan linguistik telah menjadikan kajian linguistik ini lebih menarik dan sentiasa segar. Kajian yang bersifat multidisiplin ini membolehkan kajian dialek menjadi lebih dinamik dan menawarkan maklumat yang berintergrasi untuk dialektologi.

**Kata kunci:** dialek; geolinguistik; ArcGis; leksikografi; isogloss; topografi.

### ABSTRACT

*Language evolves and linguistics is not an exception. With the propagation of revolution industry 4.0, the role of technology becomes more salient. Linguistics should have move simultaneously with the advancement of technology. Accordingly, linguistics will become multidiscipline and advance in nature. Dialectology is one good example. Geolinguistics is a combination between linguistics and geography. With the application of Arc-Gis, this multidiscipline research able to elevate dialectology with isoglosses and variants distribution plotted in a scientific digital map to supersede the manual map. Research on dialectology involves fieldwork with old, adult and youth as respondents, to provide answers for questionnaires, interviews and involves in recordings. Then, the transcription data is further exported to Arc-Gis software to produce a reliable map. The findings prove that many extra information besides phonology can be retrieved, in fact cross-field information such as lexicography, spatial, migration and history are discovered as well. The topography, which involves large or small space, able to influence the production of various lexical as seen in lexicography. In addition, topography and migration can developed phonological differences.*

*Even the boundary factor proven to diffuse this dialect to their neighborhood. The description of linguistics and non-linguistics has turned this research become more interesting and refreshing. Inevitably, a multidiscipline research has offered a more dynamic and integrated description for dialectology.*

**Keywords:** *dialect; geo-linguistic; Arc-Gis; lexicography; isogloss; topography.*

## PENGENALAN

Inovasi dalam ilmu selalunya membawa kepada kebaikan. Inovasi selalunya melibatkan perspektif baharu dalam melihat sesuatu fenomena. Daripada perspektif ilmu, inovasi membawa kepada banyak percambahan idea baharu bagi menggantikan yang lama bagi memastikan ilmu itu terus hidup dan segar. Ini membuktikan bahawa ilmu itu bersifat saintifik, iaitu boleh diuji, diukur, dan ditambah baik demi keutuhan sesuatu disiplin ilmu. Sebagai contoh yang mudah, kajian semantik yang asalnya berada dalam ruang lingkup falsafah berubah ke dalam disiplin ilmu linguistik. Kemudian terus berubah dari pendekatan makna harfiah kepada makna berkonteks. Malah, dari makna linguistik berubah kepada makna linguistik dan bukan linguistik bagi mendapatkan interpretasi makna yang sempurna. Contohnya, Teori Relevans yang mengaitkan ujaran dengan komunikasi dan kognisi (Sperber & Wilson 1995). Inovasi penyelidikan juga terlihat pada pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing. Dari pengajaran dalam kelas yang agak statik, kini Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing telah mula melibatkan teknologi digital. Penggunaan *youtube* banyak membantu pengajaran ini agar lebih dinamik. Kajian Yusmaniza et al. (2019) telah menghasilkan video Rakan Bahasa sebanyak 12 tema melalui lakonan video. Kini Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing telah melangkah ke arah aplikasi digital yang boleh dicapai melalui telefon bimbit. Kajian Nor Hashimah et al. (2020c) telah mengintergrasikan bahan pengajaran, format digital, *augmented reality* demi inivosi pengajaran dan pembelajaran bahasa. Tujuannya adalah untuk menjadikan kajian pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif, menyeronokkan dan menarik.

Kajian dialek tidak terkecuali. Kita lihat bagaimana inovasi penyelidikan berlaku dalam kajian dialek. Kajian dialek di Malaysia telah bermula seawal akhir tahun 50an. Pujian harus diberikan kepada Ismail Husin yang dapat menghasilkan peta isoglos dialek Melayu seawal 1973. Kemudian kajian ini menjadi lebih meluas dengan muncul beberapa kajian dari sarjana dalam dan luar negeri. Kajian dialek di Malaysia sunyi seketika setelah ramai yang beranggapan kajian ini telah lengkap dengan terhasilnya buku Asmah (1985, 1993) mengenai susur galur bahasa Melayu. Sejak daripada itu, kajian dialek tidak lagi tertumpu kepada penandaan isoglos tetapi sudah membawa kepada kajian fonologi dan linguistik sejarah. Hari ini, dengan kemajuan teknologi, kajian dialek melangkah ke satu tahap yang lebih mencabar, iaitu dialektologi dan aplikasi GIS yang membawa kepada istilah geolinguistik.

Kajian dialek yang melibatkan teknologi sudah ada seawal tahun 1993 apabila beberapa artikel mengenai geolinguistik muncul dalam jurnal seperti *Dialectologia et Geolinguistica: Journal of the International Society for Dialectology and Geolinguistics* (<https://www.degruyter.com/journal/key/DIG/html>) dan Jurnal *Dialectologia* terbitan University of Barcelona (<http://www.publicacions.ub.edu/revistes/dialectologia/>). Dalam kedua-dua jurnal ini telah banyak artikel dialek yang bersifat multidisiplin, iaitu menggabungkan kajian dialek dengan teknologi khususnya GIS telah dibincangkan. Kajian dialek tradisional yang hanya melihat pada sebaran kelainan varian telah mula ditinggalkan. Kini sebaran varian diplot bersama perisian ArcGis demi mendapat dapatan kajian yang lebih saintifik.

Artikel ini bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana inovasi pada kajian dialek telah membawa kepada pemugaran ilmu, banyak rekayasa yang telah dilakukan sehingga mampu membawa kepada perbincangan yang menarik dalam bidang ini. Kajian dialek yang kini bersifat multidisiplin telah dapat membincangkan bukan sahaja mengenai kelainan varian bunyi tetapi juga mengenai kesan persempadanan, kesan topografi, migrasi, sejarah dan sosio-budaya pada ruang dan bahasa. Kesemua

maklumat ini dapat diintergrasikan sehingga dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih menarik untuk difahami. Inovasi dalam kajian ini dapat menggantikan maklumat lama yang terhad kepada ilmu linguistik semata-mata kepada maklumat baharu yang merentas disiplin.

### Kosa Ilmu

Kajian berkaitan dengan inovasi boleh dikaitkan dengan kajian sorotan semula. Dari sorotan semula akan membawa kepada inovasi. Kajian dialek bermula seawal 1881 oleh Wenker di Jerman dan Gillieron 1896 (dalam Lehmann 2013 – <https://books.google.com.my/books>). Kajian dialek tradisional ini ingin membentuk isoglos dialek bagi setiap daerah kajian. Wenker telah menggunakan kaedah perkhidmatan pos bagi mengumpul dialek yang ditinjau. Kelemahan kajian Wenker dibaiki oleh kajian Gillieron dengan menggunakan khidmat Edmond Edmont yang berbasikal ke seluruh Perancis bagi mengutip data dialek. Di Malaysia, kajian mengenai dialek tradisional seumpama kajian Wenker dan Gillieron, iaitu mencari isoglos dialek Melayu turut dijalankan. Kajian dialek tradisional dilakukan selepas kemerdekaan oleh Ismail Husin (1973), Harun Mat Piah (1983) dan Asmah Haji Omar (1976, 1985). Namun, kajian mereka berbeza dengan sarjana Eropah kerana sarjana tempatan lebih kepada kajian lapangan dan bertemu penutur sendiri bagi mencari varian yang ada, lantas dibina isoglos dialek yang dikaji.

Kajian dialek tradisional bertukar menjadi kajian dialek geografi hasil daripada kajian Ajid (1985), Rohani (1986) dan J.T. Collins (1983, 1996). Kajian dialek geografi lebih berfokus pada kawasan tertentu. Contohnya kajian Ajid di Pasir Mas (1985), kajian Rohani di Kuala Kangsar (1986) dan Collins di Ulu Terengganu (1983). Kesemua kajian ini melibatkan kajian lapangan dengan mencari perbezaan varian dialek berdasarkan pertimbangan linguistik. Kajian Rohani, Ajid dan Collins menambah peta lakaran isoglos bagi membezakan sub dialek yang wujud di sesuatu kawasan. Meskipun peta yang terhasil lebih berupa lakaran manual dan tidak tepat dari segi koordinatnya, namun mereka telah melangkah setapak lagi ke hadapan berbanding dengan kajian tradisional. Seterusnya, satu inovasi pada kajian dialek bermula apabila Zaharani (1991) cuba menganalisis dialek Perak dengan kerangka fonologi generatif. Ini diikuti pula oleh Sharifah Raihan (2017) yang mengkaji dialek Negeri Sembilan di Kuala Pilah. Kajian mereka lebih bersifat ‘*armchair*’ kerana lebih mementingkan bagaimana analisis fonologi dapat ditonjolkan demi mendapat pola linguistiknya. Kedua-dua mereka menggunakan teori fonologi, iaitu fonologi generatif bagi kajian Zaharani (1991) dan teori Optimatiliti bagi kajian Sharifah Raihan (2017). Dalam kajian mereka, sudah tentu penonjolan linguistik lebih diutamakan berbanding pembinaan isoglos bagi kedua-dua dialek tersebut. Kajian Rahim et al. (2015), Tarmizi et al. (2013) serupa dengan kajian Zaharani, cuma kajian mereka telah melibatkan banyak kajian lapangan dan pada masa yang sama mencari kekerabatan bahasa dari perspektif linguistik sejarawi. Kajian Rahim et al. (2015) dan Tarmizi et al. (2013) lebih tertumpu pada dialek Melayu Sarawak dan Pahang.

Kemajuan teknologi pada hari ini telah membuka jalan kepada kajian multidisiplin. Dalam konteks kajian dialek, perisian sistem maklumat geografi (GIS) telah digunakan dengan meluas. Jurnal *Dialectologia* (<http://www.publicacions.ub.edu/revistes/dialectologia/>) terbitan Barcelona University bermula 2008 telah membuka ruang perbincangan mengenai dialektologi dan GIS. Perkembangan kajian dialektologi dan GIS kemudiannya berkembang di *National Institute of Japanese Language and Linguistics* yang setiap dua tahun bermula 2012 menganjurkan International Conference on Asian Geolinguistics (<https://agsj.jimdo.com/>). Semua kertas kerja membincangkan mengenai dialek dan taburannya dengan aplikasi GIS. Institut ini lebih menumpukan kajian dialektologi dan GIS di Asia. Bagi memastikan negara ini selaras dengan perkembangan ilmu dialektologi dan GIS di negara lain, maka banyak kajian GIS telah dilaksanakan oleh Nor Hashimah et al. (2016, 2017, 2019a & b 2020a & b, 2021).

Salah satu cara untuk melakukan inovasi pada ilmu adalah dengan mengadakan penyelidikan dan memperoleh input baharu untuk dibandingkan dengan kajian lepas atau menggunakan data yang sama tetapi menggunakan pendekatan atau teori berlainan. Kita panggil kajian seumpama ini sebagai kajian sorotan semula (*revisited*). Kajian sorotan semula dialek pernah dilakukan pada dialek di Tibet dan di Vietnam. Suzuki (2012) menulis tentang ‘*Tibetan pigs revisited: multiple piglets with a sow in Yunnan Tibetan and beyond*’. Suzuki telah memplot semula peta dialek yang lama berdasarkan perkataan ‘sow’

dan ‘piglet’ dalam dialek Yunnan Tibet. Pemplotan menggunakan ArcGis khususnya koroplet mampu memberikan maklumat taburan kedua-dua leksikal ini dengan lebih tepat berbanding dengan pemplotan isoglos secara tradisional. Usaha yang sama dapat dilihat pada kajian Shimizu Masaaki (2016). Masaaki telah menilai semula dialek Vietnam berdasarkan penulisan dua puluh tahun dahulu. Masaaki telah memplot semula isoglos dialek di Vietnam yang dibahagi kepada tiga oleh Hoàng Thi Châu (1989). Dengan bersandarkan pada data yang dikutip pada 2011-2012, Masaaki telah menemui dapatan baharu. Dapatan kajian menunjukkan berlaku perubahan fonologi pada bunyi konsonan dengan rima mudah, (contoh: /-a / dan /-ɔ/), rima dengan bunyi awalan mudah seperti (/t-/ /k-/), dan 6 nada pada suku kata terbuka, /ta/, serta perubahan dalam ayat (*Anh Hà co thê ðà hen*). Kajian awal oleh Hoàng Thi Châu (1989) telah membahagikan dialek di Vietnam ini kepada dialek UTARA, TENGAH dan SELATAN tetapi hasil sorotan dan revisi terkini mendapati sempadan dialek di antara UTARA dan SELATAN telah menjadi kabur berbanding 20 tahun dahulu. Walau bagaimanapun, sempadan dialek di antara UTARA dan TENGAH masih jelas yang menjadikan status dialek UTARA menjadi dominan sehingga membolehkan dialek UTARA menyebar ke bahagian TENGAH dan SELATAN.

Dari dua sorotan di atas terbukti bahawa kajian dialek ini boleh dinilai semula dengan tujuan penambahbaikan. Banyak data baharu yang ditemui dan dapat mengubah deskripsi sesuatu dialek pada hari ini. Penambahan maklumat baharu pastinya menjadikan deskripsi dialek lebih sempurna dan menarik. Ini yang akan ditonjolkan dalam artikel ini. Bagaimanapun, sorotan semula terhadap kajian dialek terdahulu dengan dilengkapi dengan pendekatan multidisiplin dan dikukuhkan dengan peranti teknologi telah menjadikan kajian dialek lebih menarik untuk dikaji.

Nor Hashimah et al. (2016, 2017, 2019a&b, 2020a&b, 2021), Harishon (2017), Zaharani et. al (2018), Siti Noraini Hamzah (2018) dan Fazal et.al (2019) merupakan penyelidik yang telah terlibat dalam inovasi kajian dialek di Malaysia menggunakan teknologi GIS. Apa yang membezakan kajian GIS dengan kajian dialek geografi dan tradisional adalah kajian GIS masih melibatkan data dialek dan responden di lapangan. Cuma penghasilan isoglos bagi dialek yang dikaji menggunakan teknologi berdasarkan perisian geografi. Kedudukan kawasan kajiannya tepat kerana berdasarkan *Global Positioning System* (GPS). Maka dengan itu, penghasilan peta isoglos jauh lebih bermutu berbanding dengan lakaran manual. Pengaplikasian GIS disahkan sesuai dengan pendapat Mokhtar (2012) yang mengatakan bahawa perisian GIS ini mampu diaplikasikan ke dalam bidang lain yang tidak terhad kepada bidang geografi semata-mata. Sebagai tambahan, analisis menggunakan GIS ini bukan sahaja berjaya memplot peta yang tepat malah membantu kita menganalisis pola sebaran dialek itu bersandarkan faktor persempadanan, migrasi, sejarah dan sosio-budaya.

## METODOLOGI

Kajian dialek melibatkan kajian lapangan, iaitu pengutipan data primer yang diperoleh terus daripada informan. Kaedah kajian ini merupakan penyelidikan yang bersifat ‘*explanatory*’ iaitu kajian yang melibatkan pemerhatian/pengutipan data yang dapat dihuraikan dengan penjelasan yang teliti. Kajian ‘*explanatory*’ ini penting bagi memastikan ciri kepadan (*adequacy*) penyelidikan dalam linguistik tercapai, iaitu kepadan pemerhatian (*observatory adequacy*), kepadan huraian (*descriptive adequacy*) dan kepadan penjelasan (*explanatory adequacy*). Kaedah ini merupakan ciri penyelidikan yang dikemukakan oleh Nor Hashimah et al. (2016) dan Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2017). Kaedah penyelidikan ini lebih mempertaruhkan aspek kesaintifikan yang menerapkan pendekatan yang bersesuaian dan dapat dijelaskan dengan analisis yang tuntas. Kesaintifikan merujuk kepada cara pengutipan data dan analisis dilakukan yang bersandarkan kepada disiplin linguistik dan perisian maklumat geografi. Justeru itu, perancangan dari segi pengutipan mahupun pengolahan data telah dilakukan dengan teliti bagi memperoleh hasil kajian yang terbaik. Kajian telah dilakukan di seluruh Semenanjung Malaysia (kecuali Kelantan dan Selangor – tergendali kerana ancaman COVID-19), manakala responden adalah terdiri daripada penutur natif dialek Melayu. Pemilihan responden terdiri

daripada tiga golongan, iaitu golongan muda (berumur 15-25 tahun), golongan dewasa (berumur 26-49 tahun) dan golongan warga tua (berumur 50 tahun dan ke atas). Pembahagian ini penting kerana kita dapat melihat pola penggunaan dialek Melayu antara generasi.

Kemudian data terkumpul itu ditranskripsi, dimasukkan dalam excel dan dibersihkan sebelum dipindahkan ke dalam sistem ArcGIS. Peta berikut dapat memperlihatkan topografi kawasan kajian dan titik kampung yang telah terlibat. Jumlah responden melebihi 1000 orang yang melibatkan 7 buah negeri. Peta 1 di bawah menunjukkan topografi dan titik kampung yang terlibat dalam kajian GIS ini.



**Rajah 1:** Taburan Topografi dan Titik Kampung

Dalam rajah 1, titik berwarna hijau adalah kawasan berbukit dan tanah tinggi di negeri yang dikaji, manakala titik berwarna merah adalah titik kampung yang telah terlibat dalam kajian ini. Jumlah responden yang dipilih bagi setiap kawasan adalah 300-700 orang bergantung kepada keluasan kawasan yang dikaji. Data yang telah dikutip telah dimasukkan ke dalam *excel* untuk dilihat taburan variannya. Contoh jadual 1 di bawah adalah cara pembersihan data dan taburan data dicerap. Kesemua data contohnya dari dialek Terengganu di sepanjang pesisir pantai timur dirakam. Kemudian berlaku pembersihan data terutamanya berkaitan transkripsi fonetik. Setelah bersih, data dimasukkan dalam excel bagi mendapatkan gambaran sebarannya. Dari situ data akan diimpot ke perisian GIS bagi mendapatkan peta taburannya. Gambaran penyebaran data excel adalah seperti dalam jadual 1 di bawah di bawah:

**Jadual 1:** Data bersih dalam excel sebelum dipindahkan ke perisian ArcGis.


NEGERI	NAMA KAMPUNG/DAERAH	ayam [a ja ŋ]	ikan [ika ŋ]	durian [duyi ja ŋ]	sapah [sapah]	bantal [bata]	pukul [puko]	ular [ulo]	panas [panah]	tikus [tikuh]	kacau [kuŋa]	serai [saye]	
PAHANG	<b>KUANTAN</b>												
	Kg. Nadak	a ja ŋ	ika ŋ		sapah		puko	ulo	panah	tikuh	kuŋa	saye	
	Kg. Kuala Reman				sapah		puko	ulo	panah	tikuh	kuŋa	saye	
	Kg. Permatang Badak	a ja ŋ	ika ŋ	duyi ja ŋ	sapah			ulo	panah			saye	
	Kg. Balok Baru		ika ŋ		sapah		puko	ulo	panah	tikuh	kuŋa	saye	
	Kg. Peramu	a ja ŋ	ika ŋ	duyi ja ŋ	sapah			ulo	panah			saye	
	Kg. Pantai Besar	a ja ŋ	ika ŋ		sapah		puko	ulo	panah			saye	
	<b>PEKAN</b>												
	Kg. Serandu	a ja ŋ			sapah			ulo	panah		kuŋa	saye	
	Kg. Padang Polo	a ja ŋ			sapah			ulo	panah		kuŋa	saye	
	Kg. Bukit Udang		ika ŋ	duyi ja ŋ	sapah		puko	ulo	panah			saye	
	Kg. Pelak	a ja ŋ	ika ŋ		sapah		puko	ulo	panah		kuŋa	saye	
	Kg. Belimbing	a ja ŋ	ika ŋ		sapah			ulo	panah		kuŋa	saye	
	Kg. Salong	a ja ŋ	ika ŋ	duyi ja ŋ	sapah	bata		ulo	panah			saye	
	Kg. Batu 5, Sungai Miang			duyi ja ŋ	sapah			ulo	panah		kuŋa	saye	
	Kg. Jambu	a ja ŋ	ika ŋ		sapah		puko	ulo	panah		kuŋa	saye	
	Kg. Tering		ika ŋ		sapah			ulo	panah			saye	
	<b>ROMPIN</b>												
	Kg. Bukit Ibam	a ja ŋ	ika ŋ	duyi ja ŋ	sapah	bata		ulo	panah		kuŋa	saye	
	Kg. Lanjut		ika ŋ		sapah			ulo	panah			saye	
	Kg. Tanjung Gemok	a ja ŋ			sapah	bata		ulo	panah		kuŋa	saye	
	Kg. Tanjung Gading	a ja ŋ	ika ŋ		sapah		puko	ulo	panah			saye	
	Kg. Bangkong	a ja ŋ	ika ŋ		sapah		puko	ulo	panah			saye	
	Kg. Lubuk Batu	a ja ŋ	ika ŋ		sapah			ulo	panah			saye	
	Kg. Janglau 3				sapah	bata	puko	ulo	panah		kuŋa		
	Kg. Sabak		ika ŋ		sapah	bata	puko	ulo	panah	tikuh	kuŋa		
	<b>MERSING</b>												
	Kg. Belukar Juling	a ja ŋ	ika ŋ	duyi ja ŋ	sapah	bata			panah		kuŋa	saye	
	Kg. Penyabong	a ja ŋ	ika ŋ	duyi ja ŋ	sapah		puko	ulo	panah		kuŋa	saye	
	<b>KOTA TINGGI</b>												
	Kg. Semayang		ika ŋ		sapah	bata		ulo	panah			saye	

## PERBINCANGAN

Ada empat aspek yang menarik akan dibincangkan dalam bahagian ini. Pertama isoglos baharu, pengaruh persempadanan, leksikografi dan taburan kata ganti nama. Setiap topik akan diberi kupasan berserta peta isoglos sebagai panduan. Ini bagi membuktikan bahawa bahasa kita begitu dinamik dan setelah digandingkan dengan teknologi, banyak ilmu baharu yang dapat dicungkil. Pengaruh persempadanan selalunya melibatkan topografi sesuatu kawasan. Dialek juga boleh menjadi input kepada leksikografi dan taburan kata ganti nama dapat memberikan gambaran meluas mengenai bagaimana KGN dalam dialek diguna pakai.

### Isoglos Baharu

Isoglos adalah garis sempadan bagi penentuan sempadan dialek sesuatu kawasan. Isoglos tiada kaitan dengan sempadan politik. Contohnya, dialek Kedah boleh menyebar dengan luas sehingga ke Manjung di Perak (Nor Hashimah et.al 2020a). Dialek Johor yang dikatakan didominasi oleh dialek Johor Bharu, Muar-Batu Pahat kini telah diwarnai dengan kemasukan bahasa serumpun seperti Jawa, Banjar dan Bugis. Meskipun bahasa-bahasa ini bukan dialek tetapi ia ialah bahasa serumpun sehingga boleh membentuk isoglos yang jelas di Johor. Sub-dialek Johor Bharu yang dahulunya luas penyebarannya kini telah mula mengecil sebaliknya pengaruh sub-dialek Muar-Batu Pahat lebih dominan. Terdapat juga dialek Terengganu, Kedah, Melaka, Kelantan di samping bahasa Jawa, Banjar, Bugis dan Minangkabau di Johor. Dari segi sejarah, bahasa ini masuk melalui sungai dan laut tetapi kini turut menjadi semakin mengecil kerana faktor asimilasi. Penggunaan bahasa dari kepulauan Melayu merosot kesan daripada asimilasi dengan penduduk setempat melalui pendidikan, perkahwinan dan pekerjaan.



Rajah 2: Isoglos Dialek di Johor (Khairul Ashraf 2019)

Daripada jadual 2 di bawah, penggunaan leksikal Melayu dan Jawa memang ada perbezaan, sebab itu ia dipanggil bahasa bukan dialek. Kesalingfahaman yang kurang daripada 50% akan mengganggu pemahaman antara kedua-dua penutur. Hal yang sama juga berlaku pada bahasa Banjar dan Bugis. Daripada data di bawah hanya [klɔpɔ], [maləs] dan [masəm] yang dapat difahami dan menyamai dialek Johor. Kesan migrasi dari Indonesia yang suatu ketika dahulu tidak mempunyai sempadan negara telah memperlihatkan kesan pada lanskap taburan dialek di Johor. Ternyata golongan ini mendominasi di pantai barat Johor memandangkan jarak antara kedua-dua wilayah yang dekat.

Jadual 2: Data Jawa di Johor

Daftar Kata	Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi Bahasa Jawa
Kacau	/katʃaw/	[udəʔ]
Ikan	/ikan/	[iwaʔ]
kelapa	/kələpə/	[klɔpɔ]
cubit	/ʃubit/	[dʒiwet] atau [ʃiwet]
malas	/malas/	[maləs]
isteri	/istəri/	[woŋ wedoʔ]
suami	/swami/	[bɔdʒɔ]
lembu	/ləmbu/	[sapi]
air	/æ/	[banu]
masam	/masam/	[masəm]

Perhatikan pula jadual 3 di bawah. Ini adalah data dari penutur Banjar yang juga menjadi sebahagian dari penduduk di Johor. Sekali lagi kesan migrasi menyebabkan masyarakat Banjar ada di Johor, malah juga di Selangor dan Perak. Dari segi sejarah, masyarakat Banjar memang dibawa masuk ke Tanah Melayu bagi membantu penanaman padi. Mereka yang rata-ratanya dari Kalimantan mahir menanam padi.

Namun, padi kurang sesuai ditanam di Johor, maka mereka berhijrah pula ke Selangor dan Perak. Dari kajian Nor Hashimah et al. (2020a), taburan bahasa Banjar memang wujud di kedua-dua wilayah ini.

**Jadual 3:** Contoh Bahasa Banjar

Daftar Kata	Transkripsi Bahasa Melayu Standard	Transkripsi Bahasa Banjar
manga	/məmpələm/	[həmpələm]
kacau	/kəʔfaw/	[haruʔ]
kelapa	/kələpə/	[kələpaʔ] atau [ɲəʔ]
ikan	/ikan/	[ekan]
durian	/duʔijan/	[dojan]
baling	/baliŋ/	[humbaŋ]
malas	/malas/	[kuler] atau [kəset]
cantik	/ʔantiʔ/	[buŋas]
kotor	/kotor/	[egət] atau [bədanə]
kamu	/kamu/	[ekam]


Sebagaimana Bahasa Jawa, hanya ada beberapa leksikal sahaja yang boleh difahami oleh penutur Johor iaitu, [həmpələm], [kələpaʔ] atau [ɲəʔ], [ekan], [dojan].

### Persempadanan

Inovasi kedua daripada kajian dialek khususnya geolinguistik adalah kesan persempadanan. Kita boleh temui leksikal dominan merentasi sempadan politik. Persempadanan ini boleh diuji dengan leksikal dengan ciri-ciri fonologinya. Dalam rajah 3 di bawah, persempadanan politik dapat ditewaskan oleh persempadanan dialek. Umum mengetahui bahawa pengaruh dialek Melayu Thai sangat kuat di utara dan di timur Semenanjung Malaysia. Hasil daripada kajian yang dilakukan di utara Semenanjung, didapati penyebaran dialek Melayu Thai meluas sehingga ke utara Perak. Ia merangkumi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak (Nor Hashimah et al. 2020b). Data yang dikutip di lapangan telah dibandingkan di antara dialek setempat dengan dialek Melayu Thai. Contohnya, bagi dialek Kedah, ‘air’ disebut [aʔaʔ], ‘rambut’ disebut [ʔambot], ‘laksa’ disebut [laksə]. Tetapi kita temui [aʔaʔ], [ʔambot] dan [laksə] yang dituturkan oleh penutur dialek Melayu Thai. Malah kita temui juga bunyi-bunyi yang bernada dari dialek Melayu Thai yang juga menjadi ciri pembeza di antara kedua-dua dialek. Contohnya, [ɲiʔəʔ], [ɲuʔ], [mɔpɔ:w] yang merujuk kepada kelapa atau nyiur. Nada menurun, naik turun dan menaik jelas dalam data ini. Kehadiran bunyi bernada ini merupakan ciri bahasa Thai yang telah diasimilasikan ke dalam dialek Melayu Thai. Selain nada, bunyi aspirasi, pemanjangan vokal dan monosilabik turut menjadi ciri dialek Melayu Thai (Nor Hashimah et al. 2019a).

Pengaruh dialek Melayu Thai juga ditemui di Perak khususnya di Hulu Perak. ‘air’ yang disebut [aʔə] oleh penutur dialek Perak tetapi kita temui varian /ɛ/. Ini adalah ciri kependekan atau monosilabik yang sememangnya ciri dialek Melayu Thai. Varian ini ditemui di kawasan Lenggong, Selama dan Hulu Perak. Jadi jelas persempadanan memang boleh mempengaruhi taburan dialek. Berikut adalah peta penyebaran dialek Melayu Thai di utara Semenanjung Malaysia.






**Rajah 3:** Sebaran Dialek Melayu Thai (Nor Hashimah et.al (2020b)).

Hujah persempadanan boleh dikukuhkan lagi dengan dialek Terengganu. Mengikut sejarah, peradaban Islam di Terengganu muncul lebih awal berbanding Melaka. Penemuan batu bersurat di Hulu Terengganu, dengan tanggal 702 Hijrah (bersamaan 1303 Masihi) terpahat padanya telah menunjukkan bahawa masyarakat Terengganu sudah berubah dan maju satu tahap lagi dengan penerimaan tamadun baharu, iaitu Islam yang telah bertapak paling lewat sejak awal abad ke 14, sekali gus menjadikan Terengganu sebagai salah sebuah negeri yang paling awal menerima Islam di Malaysia. (Abdullah Rahman Embong, 2012). Ini diperkukuhkan dengan dakwaan Muhammad Abu Bakar (2018) yang mengatakan bahawa pada kurun ke-14, muncul komuniti manusia di Kuala Berang, sebuah pelabuhan dan pusat perdagangan, dengan ciri-ciri maritim dan kosmopolitannya, sehingga membawa kepada peristiwa Batu Bersurat.

Kesan dari peradaban ini ditambah dengan kehebatan maritim masyarakat Terengganu ini, ia sedikit sebanyak telah mempengaruhi penyebaran dialek Terengganu di negeri-negeri bersempadanan khususnya di pesisir pantai. Dialek Terengganu bukan sahaja menyebar ke Pahang malah sehingga ke Mersing dan Kota Tinggi di Mersing (Khairul Ashraf 2019, Nor Hashimah et al 2021). Dari 40 data yang dikutip di lapangan negeri Terengganu, Pahang dan Johor, ada 26 leksikal bercirikan dialek Terengganu ditemui (lihat jadual 1 di atas). Ciri dialek Terengganu yang jelas adalah penggunaan bunyi 'ng' /ŋ/ di akhir kata, pengguguran bunyi nasal rangkap seperti 'sampah' menjadi [sɑpɑh], penggantian bunyi frikatif di akhir kata seperti 'kipas' menjadi [kipɑh].

Hasil dari analisis data, ternyata memang wujudnya pengaruh persempadanan kesan dari peradaban yang tinggi, aktiviti perikanan dan maritim dari Terengganu. Penyebaran yang jelas adalah sepanjang pantai timur yang bermula dari Setiu sehingga ke Kota Tinggi. Namun, pengaruh ini tidak merebak ke bahagian darat Pahang dan Johor. Rajah 4 di bawah membuktikan bagaimana dialek Teremgganu merentasi sempadan Pahang dan pantai timur Johor (sehingga Kota Tinggi).




**Rajah 4:** Sebaran Dialek Terengganu di Pesisir Pantai Timur (Nor Hashimah et. al 2021).

### **Topografi dan Leksikografi**

Leksikografi adalah berkaitan dengan perkamusan. Bentuk muka bumi atau topografi memainkan peranan penting dalam mewarnai perbezaan leksikal di kedua-dua daerah ini. Daripada kajian yang dilakukan memang terdapat leksikal dari dialek Melayu Thai muncul di Sik. Rajah 5 di bawah ialah peta topo dan sebaran varian leksikal ‘baling’ di Sik sementara rajah 6 pula taburan leksikal ‘baling’ di Kuala Muda.

Bentuk muka bumi atau topografi bagi Kuala Muda lebih landai berbanding Sik. Perhatikan rajah 5, iaitu taburan tanah tingginya lebih menjarak. Ini bermakna banyak tanah lapang di sini. Malah di Kuala Muda inilah tempat penanaman padi yang banyak di Kedah. Malah ada empangan Kuala Muda bagi membantu penanaman padi di sini. Terdapat juga sungai yang besar menghala ke laut. Sehubungan dengan itu, pencerakinan leksikalnya menunjukkan banyak leksikal ‘baling’ berlaku dengan jarak yang lebih jauh. Ruang yang luas dan lapang mempengaruhi kaedah balingan di kawasan ini (Noor Azilahwati 2019). Jadual 4 membuktikannya.



Rajah 5: Taburan varian ‘BALING’ di Kuala Muda

Ada enam varian bagi leksikal ‘baling’ ditemui di Kuala Muda. Varian itu adalah: [punggaj, balin, taʷʔ, lempaʔ, təŋaləŋ, tudʒu]. Bagi melihat perbezaan makna di antara keenam-enam varian ini, maka pemberian fitur berasaskan pragmatik dilakukan. Dari fitur-fitur yang dicatatkan, maka perbezaan makna minimum antara leksikal ini boleh dihuraikan.

Jadual 4: Pemberian fitur bagi varian leksikal kata kerja ‘baling’ di daerah Kuala Muda.

LEKSIKAL	arah			jarak		sasaran		fokus	tenaga	
	Atas	bawah	depan	dekat	jauh	nyawa	bukan nyawa		banyak	sedikit
punggaj	+	-	-	-	+	-	+	+	+	-
balin	-	-	+	-	+	+	+	+	+	-
taʷʔ	-	+	-	+	-	-	+	-	-	+
lempaʔ	-	-	+	+	+	-	+	-	+	-
təŋaləŋ	+	-	+	+	+	+	-	-	+	-
tudʒu	-	+	+	+	-	-	+	+	+	+

/punggaj /- Melontar ke atas dan jauh dengan tenaga yang kuat serta berfokus (bkn benda tidak bernyawa seperti buah)

/balin/ - Melontar ke depan dan jauh dengan tenaga yang kuat serta berfokus pada objek (bkn objek yang bernyawa dan tidak bernyawa contohnya bola dan ayam)


/taʷʔ / - Melontar ke bawah dan dekat dengan tenaga yang sedikit (bkn objek tidak bernyawa contohnya sampah)

/lempaʔ/ - : melontar ke depan pada jarak dekat atau jauh dengan tenaga yang kuat (bkn benda bukan nyawa contohnya kayu)

/taŋaʔ/ - melontar ke atas atau ke depan dengan tenaga yang kuat serta berfokus (bkn benda bernyawa iaitu kepada burung)

/tuʔu/ - melontar ke bawah atau ke depan dan dengan tenaga yang sama ada kuat atau lemah serta berfokus (bkn benda tidak bernyawa terutamanya permainan seperti guli).

Seterusnya, jadual 5 di bawah menunjukkan pemberian fitur bagi varian leksikal kata kerja ‘baling’ di daerah Sik, Kedah. Perhatikan keadaan topografi di Sik.



Rajah 6: Taburan varian ‘BALING’ di Sik

Berdasarkan topografi antara kedua daerah ini, jelas menunjukkan bahawa tanah tinggi mempengaruhi cara pemaknaan leksikal ‘baling’. Di Sik muka buminya dipenuhi dengan tanah tinggi. Kawasan ini merupakan kawasan penanaman getah dan juga tempat bermigrasinya masyarakat Patani. Ini ada kaitan dengan faktor sejarah yang melibatkan Kedah dan Thai (Nor Hashimah et al 2019a). Oleh sebab muka bumi yang berbukit maka ruang di antara kawasan itu juga sempit dan tidak luas. Dengan sebab itu kita dapati pemaknaan bagi leksikal ‘baling’ sangat terhad kepada baling di tempat yang dekat, bawah dan kurang tenaga berbeza dengan di Kuala Muda. Banyaknya bukit dan pokok getah mengurangkan ruang, jadi cara balingan mesti disesuaikan dengan ruang yang ada. Jadual 5 ialah fitur yang menjelaskan varian ‘baling’ di Sik.

**Jadual 5:** Pemberian fitur bagi varian leksikal kata kerja ‘baling’ di daerah Sik, Kedah.

LEKSIKAL	arah			jarak		sasaran		fokus	tenaga	
	Atas	bawah	depan	dekat	jauh	nyawa	bukan nyawa		kuat	lemah
pungaj	+	-	-	-	+	-	+	+	+	-
balin	-	-	+	-	+	+	+	-	+	-
taoʔ	-	+		+	-	-	+	-	-	+
lempaʔ	-	-	+	+	+	-	+	-	+	-
handeŋ	-	-	+	+	-	-	+	-	+	-
tikeh	-	+	+	+	-	-	+	+	+	+
punga	+	-	-	-	+	-	+	+	+	-

Berikut merupakan langkah pemberian makna varian-varian bagi leksikal ‘baling’ di daerah Sik pula dengan menggunakan langkah pemberian makna dalam leksikografi. Ada dua tambahan varian iaitu [handeŋ] dan [tikeh].

/handeŋ / - melontar ke depan dan dekat dengan tenaga yang sedikit (bkn benda tidak bernyawa seperti sampah)

/tikeh / - melontar ke bawah atau ke depan dengan tenaga yang kuat atau lemah serta berfokus (bkn benda tidak bernyawa terutamanya permainan seperti guli)

Berdasarkan definisi di atas, hanya dua varian sahaja yang diberikan definisi untuk leksikal ‘baling’ di daerah Sik. Hal ini demikian kerana varian-varian seperti [pungaj], [balin], [taoʔ], dan [lempaʔ] merupakan makna yang sama seperti yang telah dinyatakan di daerah Kuala Muda tadi. Selain itu juga, varian [punga] tidak diberikan definisinya di sini kerana definisinya adalah sama seperti makna leksikal [pungaj] di daerah Kuala Muda cuma cara sebutannya sahaja yang berbeza kerana wujudnya pengaruh Thai dalam leksikal [punga] (Norazilah 2019).

### Penyebaran Kata Ganti Nama

Salah satu aspek yang menarik dengan dialek ialah penggunaan kata ganti nama (KGN). Dalam kajian ini dipaparkan data KGN negeri Terengganu dan Perak.

**Jadual 6:** Senarai KGN Dialek di Terengganu

Dialek Terengganu	Dialek Kelantan	Dialek Hulu Terengganu
<b>KGN 1</b>		
aku	kawe	akaw
sajə	ambə	kamaj
kitə	kitə	kaməʔŋ
ɔʔaŋ	sajə	kamiŋ
kawaŋ	oʔe	akuʔ
ambə		


pateʔ		
<b>KGN 2</b>		
muŋ	dɛmɔ	mãw
mu		mikə
awɔʔ		dimi
dɛmɔ		
<b>KGN 3</b>		
dijə	dijɔ	dijə
jə	dɛmɔ	dijɔ
	dɛmɔ tuh	

Daripada jadual 6 di atas kita dapati ada tiga sub dialek yang ada di Terengganu. Pertamanya dialek Terengganu sendiri, sub-dialek Hulu Terengganu dan dialek Kelantan. Kenapa dialek Kelantan disenaraikan di sini? Ini adalah kerana wujudnya dialek ini di Besut dan Setiu Darat dan penggunaannya sangat produktif. Ini boleh dikaitkan dengan isu persempadanan seperti di atas. Malah, ada varian ini turut digunakan di kawasan lain seperti Hulu Terengganu dan Kemaman.

Jika diperhatikan varian dari Hulu Terengganu menunjukkan kelainan dari apa yang digunakan dalam dialek Terengganu atau Asmah (1985) gelarkan sebagai dialek pesisir Terengganu. Penggunaan diftong banyak ditemui dalam sub-dialek ini. Ini memang ciri unik pada dialek Hulu Terengganu. Contohnya, kita temui, [akaw, kamaj, kamɑŋ]. Varian ini tidak ditemui di pesisir Terengganu. Begitu juga KGN 2 yang mencatatkan penggunaan [mãw]. Dari peta dalam rajah 7 di bawah, ditunjukkan sebaran KGN dalam dialek Melayu di Terengganu. Ini termasuklah dialek Kelantan dan sub-dialek Hulu Terengganu.

Penggunaan KGN ‘aku’ memang meluas digunakan. Cuma varian [akaw] dan [akuʔ] yang berbeza yang digunakan di Hulu Terengganu. Penggunaan [sajə, kitə, ɔʔɑŋ] menyamai dialek Johor dengan bunyi /ə/ yang dominan digunakan. KGN 1 [kawɑŋ] juga merupakan KGN Johor cuma dalam dialek Terengganu ditambah /ŋ/ di akhir kata. Faktor sejarah seperti hubungan kekeluargaan golongan bangsawan istana boeh dijadikan sandaran kepada merebaknya dialek Johor di Terengganu. Penggunaan [ambə] dan [pateʔ] sekali lagi membuktikan adanya hubungan raja dan rayat yang digunakan. Malah [ambə] boleh dikaitkan dengan hubungan insan dengan Tuhan. Maka KGN [ambə] turut digunakan dalam perbualan seharian di antara mereka.

Berdasarkan peta di bawah (rajah 8), kedudukan topografi negeri Terengganu tidak begitu berbukit sehingga boleh menghalang penggunaan KGN yang sama di seluruh Terengganu. Ini menjawab mengapa penggunaan KGN1 itu seragam bagi seleuruh Terengganu kecuali di Hulu Terengganu dan Besut dan Setiu Darat. Faktor sejarah yang berkaitan dengan peradaban boleh menjawab persoalan ini. Pengaruh Thai ke atas Besut membuktikan penggunaan dialek Patani yang mirip dialek Kelantan digunakan dengan dominan di Besut.




**Rajah 7:** Peta KGN 1 dan Peta Topo Terengganu

Sebagai perbandingan, taburan variasi leksikal ‘saya’ ditunjukkan bagi negeri Perak. Perak dibandingkan dengan Terengganu kerana kedua-dua negeri ini mempunyai satu bentuk KGN yang sama tetapi berbeza dari segi sebutannya di kedua-dua negeri. Faktor sosio-budaya seperti pertembungan melalui perdagangan, migrasi membolehkan dialek tersebar. Contohnya, kehadiran [mikə], [awəʔ] dan [demə] di Hulu Terengganu yang sama dengan KGN 2 dialek Perak mungkin boleh disandarkan pada perbualan lisan dengan responden dari Kg Pasir Raja di Hulu Dungun. Fakta yang mengatakan kawasan hulu sungai adalah tempat pertemuan orang berdagang memungkinkan mereka dari Hulu Perak bertandang ke Hulu Terengganu. Pendapat terdapatnya pengaruh dialek Perak di Hulu Terengganu boleh juga disandarkan dengan tulisan C.C.Brown (1921). Beliau menyatakan:

“terdapat hubungan erat antara dialek yang dituturkan di Hulu Terengganu dengan dialek Parit di Perak”

Maka varian [mikə], [awəʔ] dan [demə] yang ditemui di Hulu Terengganu dapat mengesahkan pendapat C.C. Brown (1921).



**Rajah 8:** Taburan Varian ‘SAYA’ di Sg. Perak

Dalam peta 8 di atas, kita dapati ada pelbagai varian KGN pertama mengikut dialek masing-masing. Jika di Terengganu [demə, mikə, əwəʔ] merujuk kepada ‘kamu’, hal yang sama juga turut digunakan di Perak. Dalam bahasa baku ‘awak’ adalah KGN kedua tetapi di Perak [əwəʔ] pula merujuk kepada KGN pertama. [əwəʔ] mempunyai dwifungsi, sebagai KGN 1 dan 2. Dalam kalangan penutur Perak mereka faham yang [əwəʔ] adalah ‘saya’ tetapi dengan orang di luar Perak mereka menukar rujukan kepada KGN 2. Selain [sajə] dan [aku] yang dianggap dari bahasa baku, kita temui juga [sajɛ], [sajə], [ajə], [ajɛ], [təman] dan [kumɛ] yang merujuk kepada KGN pertama ‘saya’.

Begitu juga dengan KGN kedua. Juga terdapat pelbagai keragaman mengikut dialek masing-masing. Jika dihimpun semua KGN ‘saya’ untuk dialek Melayu di Semenanjung Malaysia kita akan dapati seperti di bawah:

**Jadual 7:** Senarai KGN ‘SAYA’ Mengikut Dialek

Kata Ganti Nama ‘SAYA’		
1	Perlis	[aku], [saja], [sajə], [kami], [tʃɛʔ]
2	Kedah & Langkawi	[aku], [saja], [tʃɛʔ], [kami], [sajə]
3	Pulau Pinang	[aku], [saja], [sajə], [kami], [tʃɛʔ]
4	Perak	[aku], [sajə], [sajə], [sajɛ], [təman], [ajə], [ajɛ], [kumɛ]
5	Negeri Sembilan	[aku], [sajə], [sajə], [dɛn], [ɛdɛn], [sɛ], [ɛsɛ]
6	Melaka	[aku], [sajə], [dɛn], [ɛdɛn], [sɛ], [ɛsɛ]
7	Johor	[aku], [sajə], [oʃaŋ], [kami], [kitə], [ajə], [kawan]
8	Pahang	[aku], [sajə], [komə], [koj], [kawɛh], [keh], [kawan], [kawah] dan [kah]
9.	Terengganu	[aku], [sajə], [kitə], [oʃaŋ], [kawan], [ambə], [pateʔ]



Daripada jadual 5 di atas, kesemua dialek menggunakan 'saya' tetapi dalam pelbagai varian. Namun terdapat leksikal untuk menjadi jati diri bagi setiap dialek yang ada. Bagi dialek utara yang mencakupi Perlis, Kedah, Langkawi dan Pulau Pinang, boleh dikatakan varian leksikalnya serupa. Begitu juga dengan Negeri Sembilan dan Melaka. Faktor persempadanan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Malah, kita boleh lihat kedominanan dialek Kedah dan Negeri Sembilan yang mempengaruhi daerah berdekatan.

## KESIMPULAN

Kajian dialek hari ini boleh memberikan banyak maklumat baharu yang lebih menarik. Dengan adanya inovasi dalam kajian dialek, kita bukan sahaja dapat menghasilkan peta isoglos dengan lebih tepat malah dapat menghasilkan satu peta digital yang menarik. Dengan maklumat tambahan seperti persempadanan, penghasilan gugusan leksikal dalam leksikografi dan taburan KGN menunjukkan bahawa bahasa kita ini dinamik, sentiasa memberikan sesuatu yang baharu dan mencabar minda. Inovasi dalam ilmu memang sangat-sangat digalakkan. Sekiranya kita masih kekal dengan pendekatan lama selama bertahun lamanya, ilmu pastinya tidak boleh berkembang. Kajian dialek tradisional yang asalnya mencari perbezaan fonologi dan hampir pudar ditelan waktu, kini bangkit semula dengan pendekatan multidisiplin sehingga terhasilnya istilah geolinguistik. Aplikasi GIS sebagai perisian berasaskan geografi telah turut membantu menjadikan kajian ini lebih saintifik dan dinamik. Hari ini banyak lagi kajian linguistik yang boleh diintegrasikan dengan disiplin lain. Yang terkini adalah *ecolinguistics* yang pastinya menggabungkan linguistik dan isu alam sekitar. Jelas bahawa inovasi dalam apa sahaja ilmu bukan sahaja memberi input berguna kepada ilmu itu sendiri tetapi pada masa yang sama boleh memberi nafas baharu agar ilmu itu terus kekal relevan.

## PENGHARGAAN

Kajian ini adalah berdasarkan kajian 'Pemprofilan Dialek Terengganu: Analisis Geolinguistik dengan geran FRGS/1/2019/SSI01/UKM/01/1.

## RUJUKAN

- Abdullah Rahman Embong (penyt.). (2012). *Terengganu Merentasi Tiga Abad: Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama, Dan Budaya*. Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Ajib Che Kob. (1985). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1976). *The Phonological Diversity of the Malay Dialects*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C.C. Brown. (1921). *Perak Malay*. New York: AMS Press.
- Collins, J.T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J.T. (1996). *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaludin, Harishon Radzi, Junaidi Kasdan & Muhammad Faiz Aizuddin Suhaimi. (2019). Dialek Melayu Perlis: Pemetaan geodialek beraplikasikan GIS. *AKADEMIKA* 89 (2):139-154
- Harishon Radzi. (2017). Analisis geolinguistik leksikal dialek Melayu di Perak menggunakan sistem maklumat geografi. *Tesis PhD*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah. (1983). Dialek negeri Perak. *Bengkel Kepemimpinan dan Pengajian Kebudayaan Negeri Perak*, 20-23 Oktober 1983, Ipoh.
- Hiroyuki Suzuki. (2012). Tibetan pigs revisited: multiple piglets with a sow in Yunnan Tibetan and beyond -. *The 1st International Conference of Asian Geolinguistics*, 14 -15 December 2012, Aoyama Gakuin University.
- Hoàng Thi Châu. (1989). Tiếng Việt trên các miền đất nước: Phương ngữ học [Vietnamese of each region: Dialectology]. Nhà xuất bản Khoa học Xã hội, Hà Nội, Việt Nam.
- Ismail Hussin. (1973). Malay dialects in Malay Peninsular. *Nusantara* 3:63-79.
- Khairul Ashraf Saari. (2019). Analisis geolinguistik variasi leksikal bahasa teras di negeri Johor. *Kertas Projek Sarjana Linguistik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A.H & Rahim Aman. (2013). Inovasi dan retensi dalam dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 13 (3): 211-222.
- Mokhtar Jaafar. (2012). Keberkesanan GIS sebagai alat bantu mengajar konsep asas geografi kepada pelajar bukan geografi. *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space* 8(3):82-92
- Muhammad Abu Bakar (penyt.). (2018). *Orang Terengganu: Asal Usul, Arus Hidup, Arah Tuju*. Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi & Norlisafina Sanit. (2016). Varian kata ganti nama dialek di Pesisir Perak: Analisis *Geographical Information System (GIS)*. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 16(1), 109-123.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Fizah Abdul Halim, Harishon Radzi & Junaini Kasdan. (2017). Penyebaran dialek Melayu di Langkawi. Analisis geolinguistik. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 17(4), 159 - 178.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Adriana Santa, Siti Noraini & Hayati Lateh. (2019a). Penyebaran dialek Melayu Satun di Langkawi dan di Thai: Satu kajian perbandingan berasaskan *Geographic Information System (GIS)*. *GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 19(1)*, 77-96.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Mohamed Fazal Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Khairul Ashraaf Saari. 2019b. Penyebaran pengaruh dialek Melayu Thai di Malaysia: Analisis GIS. *Journal of Nusantara Studies 2019, Vol 4(2)*, 362-389.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah & Harishon Radzi. (2020a). Dialektologi dan GIS. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Khairul Ashraaf Saari, Harishon Radzi & Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2020b). Migrasi dan lanskap baharu dialek di Johor. *AKADEMIKA*, 90(3), 147-161.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Nazatul Aini, Lam Meng Chun, Junaini Kasdan, Aznur Aisyah, Daeng Zairi, Azlan Ahmad. (2020c). Aplikasi digital dan *augmented reality* dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Projek PBS-2020-015*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nor Hashimah Jalaluddin, Wan Athirah Adilah Wan Halim & Khairul Ashraaf Saari. (2021). The continuum of Terengganu dialect along the East Coast Malaysia: A Geolinguistic Study. *Journal of Nusantara Studies* vol 6 (1), 176-198.
- Noor Azilahwati Mohd Noor. (2019). Konsep ruang dalam varian kata kerja 'BALING' dialek Kedah: Analisis GIS. Kertas Projek Sarjana Program Linguistik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamis & Shahidi Abdul Hamid. (2015). Rekonstruksi vokal dan diftong bahasa Melanau Purba. *GEMA Online Journal of Language Studies*. 20(1), 189-205.
- Rohani Yusof. (1986). Dialek geografi Kuala Kangsar: Suatu kajian perbandingan. *Tesis Sarjana*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sharifah Raihan Syed Jaafar. (2017). Pembentukan struktur suku kata dialek Melayu Kuala Pilah. *Jurnal Bahasa* Jilid 17(1), 61-83.
- Siti Noraini Hamzah. (2018). Penyebaran leksikal dan bunyi dalam dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik. *Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shimizu Masaaki. (2016). A Phonological Basis for Rethinking Vietnamese Isoglosses - Third ICAG -2016 23 - 24 May 2016, Royal University of Phnom Penh.
- Sperber, D. & D. Wilson. (1995). *The Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Yusmaniza Mohd Yusoff, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Hasnah Mohamad. (2019). Representasi budaya dalam kit video Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: analisis Teori Sosiokognitif. *Jurnal Antarabangsa Alam & Tamadun Melayu*, Jilid 7(1), 77-91.
- Zaharani Ahmad. (1991). *The Phonology and Morphology of the Perak Dialect*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Yusmaniza Yusoff. (2018). GIS mapping of dialect variation in north Perak. *Dialectologia*, 20, 1-20.

Sumber Internet:

<https://agsj.jimdo.com/>  
<https://books.google.com.my/books>  
<https://www.degruyter.com/journal/key/DIG/html>  
<http://www.publicacions.ub.edu/revistes/dialectologia/>